
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2007/2008

Oktober/November 2007

HGM 343 - GEOGRAFI PERINDUSTRIAN

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

- 1 Bincangkan persamaan dan perbezaan utama fokus kajian geografi perindustrian di negara perindustrian maju dengan negara membangun yang lebih maju sejak pertengahan 1980an.

[25 markah]

2. Merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai, bezakan dua sistem mod pengeluaran utama dalam industri pembuatan dari sudut ciri-ciri penggunaan sumber manusia dan teknologi.

[25 markah]

3. Menurut Peter Dicken (2003), sejak awal 1970an eksport barangan pembuatan daripada negara membangun secara keseluruhannya berkembang dua kali ganda kadar eksport bahan mentah dan ini menjadi sumber penting pertumbuhan ekonomi negara-negara yang terbabit.

Bincangkan pernyataan di atas dalam kontek Malaysia dengan merujuk kepada kebaikan dan kelemahan strategi perindustrian yang bergantung kepada eksport barangan pembuatan ke beberapa negara tertentu.

[25 markah]

4. Pola pelaburan terus asing dalam sektor elektronik telah berubah sejak kemunculan China dalam landskap perindustrian global. Bincangkan faktor China ini dalam strategi Malaysia untuk memastikan lokasi pengeluaran di negara ini terus berdaya saing dan berupaya menarik pelaburan terus asing dalam industri elektronik.

[25 markah]

5. Bincangkan sejauhmana anda bersetuju kepada pendapat bahawa globalisasi aktiviti pembuatan tidak menghasilkan pembangunan perindustrian yang lebih merata, malah ia mengukuhkan lagi pemusatan pada skala global dan nasional.

[25 markah]

6. Merujuk kepada contoh-contoh tertentu dalam industri elektronik atau tekstil/pakaian, huraikan dua jenis rangkaian global yang berperanan dalam kerangka konseptualisasi jaringan pengeluaran global industri pembuatan.

[25 markah]

7. Sejauhmanakah anda bersetuju kepada pendapat bahawa Pelan Induk Perindustrian Pertama telah berjaya mengaitkan Malaysia dengan rangkaian pengeluaran global produk elektronik dan separa konduktor?

[25 markah]